

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Tuesday, 12 April, 2016 12:06 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: SAPSP ONLINE: "PSIKOLOGI KEPIMPINAN DALAM ORGANISASI" - SAPSP BERSAMA PDRM KEDAH



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



**"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan



"PSIKOLOGI KEPIMPINAN DALAM ORGANISASI" - SAPSP BERSAMA PDRM KEDAH

SAPSP ONLINE: Pada **11 April 2016 (Isnin)**, **Yang Berusaha Prof Madya. Dr Noor Azniza Ishak**, Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) telah dijemput oleh Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kedah untuk menyampaikan syarahan umum yang bertajuk "Psikologi Kepimpinan Dalam Organisasi". Program ini merupakan anjuran Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) dengan Kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (NCPF) dan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP).

Syarahan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai PDRM tentang psikologi kepimpinan yang meliputi aspek psikologi pekerja, komunikasi dan permasalahan dalam setiap organisasi dan aplikasi psikologi kepimpinan khususnya dalam PDRM. Syarahan ini telah dihadiri oleh 200 orang pegawai kanan PDRM di seluruh negeri Kedah, termasuk Ketua-ketua Jabatan, Ketua Polis Daerah, Ketua Polis Balai dan Penyelia-penyelia. Turut hadir bersama Timbalan Ketua Polis Kedah, YDH DCP Dato' Abd Jalil Bin Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, YDH SAC Hashim bin Ali.

Selain itu, pihak SAPSP yang diwakili oleh Penyelaras Program Siswazah, Dr. Nabisah Ibrahim dan Penyelaras Program Sarjana Muda Psikologi dan Kaunseling, Dr. Siti Rozaina Kamsani turut sama mempromosikan program-program sarjana, sarjana muda dan sijil eksekutif kepada pegawai-pegawai kanan PDRM.

YDH DCP Dato' Abd Jalil bin Hassan amat berharap agar pihak SAPSP dapat meneruskan kerjasama sebegini di masa akan datang untuk meningkatkan mutu kepimpinan dan profesionalisme seterusnya menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pegawai-pegawai PDRM khususnya di negeri Kedah.

Sekian, untuk makluman.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

M A L A Y S I A

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>